

PR1MA dijamin milik penduduk layak

» Kerajaan utama pembinaan bermutu, harga pasaran 20 peratus lebih rendah

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bh.com.my

Putrajaya

Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang mengutamakan pembinaan bermutu pada harga mampu milik, akan dipastikan dapat dimiliki oleh semua penduduk yang layak memohonnya, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri menjelaskan, pemilikan rumah sendiri menjadi tumpuan kerajaan kerana orang ramai memberi maklum balas bahawa memiliki rumah menduduki tempat teratas dalam senarai keperluan utama penduduk negara ini.

“Sebab itulah lahir idea untuk kita mewujudkan PR1MA, khususnya bagi penduduk di kawasan bandar yang mungkin tidak mampu membeli rumah mengikut harga pasaran semasa.

“Justeru, garis panduan yang saya berikan bagi PR1MA ialah ia mesti dalam lingkungan mampu dibeli dan mesti sekurang-kurangnya 20 peratus lebih rendah dari harga pasaran,” katanya ketika berucap pada majlis penyerahan kunci projek PR1MA di Presint 11, Putrajaya, semalam.



Najib bersama sebahagian penerima pada majlis Penyerahan Kunci Perumahan PR1MA Presint 11, Putrajaya, semalam.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

rahan kunci projek PR1MA di Presint 11, di sini semalam.

Yang turut hadir Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Pengerusi PR1MA, Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis; Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Aseh Che Mat; Pengerusi Lembaga Pengarah PETRONAS, Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan Pengerusi Putrajaya Holdings (PJH) Datuk Ishak Imam Abas.

Projek pertama siap

Projek pertama disiapkan PR1MA itu merangkumi 560 unit rumah bermutu tinggi dilengkapi kemudahan asas seperti dewan serbaguna, surau, taman permainan, tadika dan tapak perniagaan.

Najib berkata, unit berkeluasan

815 kaki persegi (kps) yang dijual pada harga RM120,000 dan unit berkeluasan 1,000 kps pada harga RM150,000 itu, masing-masing 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran.

“Ini bermakna sebaik saja dapat kunci rumah ini, dah untung, kalau RM150,000 maknanya keuntungan RM50,000 dan kalau dalam masa lima atau 10 tahun akan datang, sudah tentu kadar kenaikannya jauh lebih tinggi.

“Sebab itulah konsep seperti ini amat popular. Saya sudah luluskan peruntukan besar kepada PR1MA untuk laksana projek ini yang mana dalam Bajet 2015, saya umumkan pihak kerajaan menyasarkan untuk membina 80,000 unit rumah PR1MA di seluruh negara

dengan peruntukan RM1.3 bilion.

Guna konsep pengundian

“Saya harap semua projek ini dapat berjalan lancar. Apa yang menarik ialah projek ini menggunakan konsep pengundian yang diaudit oleh KPMG. Jadi, tak ada apa-apa yang boleh dipersoalkan dalam proses integriti cabutan terbabit,” katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau difahamkan, jumlah yang memohon rumah dalam projek pertama PR1MA itu adalah tujuh kali ganda berbanding unit rumah yang dapat disediakan dan mengakui projek seumpamanya perlu diperbanyakkan di Putrajaya menerusi kerjasama PR1MA, PJH serta Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).

Beliau menjelaskan, statistik perumahan di Putrajaya menunjukkan PR1MA sudah membangunkan 560 unit, Projek Perumahan Awam Perkhidmatan Awam 1Malaysia yang dalam pembinaan oleh Perbadanan Putrajaya (6,672 unit), selain 12,352 unit dalam perancangan, menjadikan jumlah keseluruhan 19,024 unit.

“Ini bermakna kalau dicampur dengan kuarters kerajaan sebanyak 22,452 unit dan juga perumahan awam yang siap (5,137 unit) selain 25,150 unit lagi dalam pembinaan dan perancangan, tidak lama lagi kawasan Putrajaya akan mempunyai 67,186 unit rumah, sekali gus memenuhi hampir semua keperluan rumah mampu milik di sini,” katanya.

